

**KEBOLEHBACAAN BUKU TEKS MAHARAT AL-QIRA'AH
BERASASKAN UJIAN KLOZ
DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA**

***THE READABILITY OF MAHARAT AL-QIRA'AH TEXTBOOKS BASED
ON CLOZE TEST
AMONG NATIONAL UNIVERSITY OF MALAYSIA STUDENTS***

AISYAH SJAHRONY

Corresponding Author

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi, Selangor, Malaysia

E-mail : aisyahsjr@siswa.ukm.edu.my

MAIMUN AQSHA LUBIS ABDIN LUBIS

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi, Selangor, Malaysia

E-mail : draqsha@gmail.com

ABSTRAK

Buku teks merupakan salah satu bahan rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Seiring dengan perkembangan semasa, bahasa Arab telah menjadi bahasa asing yang penting selepas bahasa Inggeris. Pencapaian bahasa Arab pelajar di negara ini masih di tahap lemah. Antara faktor dikaitkan dengan isu kelemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah aras bahasa buku teks yang kurang sesuai dengan mereka. Oleh itu kajian ini bertujuan menentukan tahap kebolehbacaan buku teks Maharat al-Qira'ah yang dijadikan buku teks di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Buku teks ini digunakan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda bagi subjek kemahiran bahasa Arab di universiti tersebut. Dalam mengukur tahap kebolehbacaan ujian Klotz dijalankan dalam kalangan pelajar dan melihat perbezaan skor ujian Klotz yang diperolehi dari aspek jantina pelajar, teks-teks bacaan yang diuji dan pencapaian pelajar dalam peperiksaan akhir semester. Bagi mencapai objektif tersebut, satu tinjauan berupa ujian melalui satu set ujian Klotz telah dijalankan ke atas 162 orang pelajar. Data kajian dianalisis secara kuantitatif dekskriptif. Hasil ujian yang dijalankan mendapati skor purata ujian Klotz bagi buku teks Maharat al-Qira'ah adalah sebanyak 65% yang ditafsirkan masih berada pada tahap rendah, iaitu kurang sesuai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di kelas. Oleh itu pihak yang berwajib seharusnya mengambil kira tahap kebolehbacaan teks yang disediakan sebelum dijadikan bahan pembelajaran pelajar agar sesuai dengan tahap kemahiran bahasa pelajar tersebut.

Kata kunci: kebolehbacaan, ujian Klotz, bahasa asing, teks bacaan, bahasa Arab

ABSTRACT

*Textbooks are one of the reference materials in the teaching of Arabic in Malaysia. In line with the current development, the Arabic language has become an important foreign language after English. Arabic language achievement of students in the country is still at a low level. Among the factors associated with the weakness issues of Arabic language proficiency among students is the suitability of the language level in the textbooks. The objective of this study was to determine the level of readability of a textbook, *Maharat al-Qira'ah* at the Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia. The respondents comprised of 162 students. Data was collected through cloze tests and questionnaires and later analyzed using descriptive analysis. The average score for cloze test of textbook *Maharat al-Qira'ah* is defined by 65%, which translates that the level still remain at a low level and not appropriate for the purposes of teaching and learning. Therefore, the authorities should take into account the level of readability before any textbook is used as the learning resource so that it corresponds to the students' level of language skills.*

Keywords: *readability, Cloze test, foreign language, reading text, Arabic language*

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa kebangsaan bagi beratus juta bangsa Arab dan menjadi bahasa pemikiran, kebudayaan, politik, perniagaan dan kepercayaan kepada satu billion umat Islam termasuk Malaysia. Buku teks dalam pembelajaran bahasa Arab adalah satu aspek dan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kerana ia mengandungi fakta, maklumat dan tajuk-tajuk yang menghurai dan memperinci sukatan mata pelajaran dalam kurikulum (Rosni Samah et al. 2013). Di Malaysia, penggunaan buku teks dalam sistem pendidikan negara masih terus berjalan sama ada di sekolah rendah atau di peringkat menengah.

Bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran, bahasa hadis dan sunah serta bahasa antarabangsa yang kini banyak dipelajari dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ia meliputi pelbagai jenis institusi pendidikan antaranya Maahad Tahfiz, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Kebangsaan (SK), sekolah-sekolah swasta, Institut Pendidikan Guru (IPG) serta pengajian di peringkat universiti (Aisyah 2014).

Pengajian bahasa Arab sudah sekian lama bertapak di Malaysia, seiring dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Menurut W.M Saghir pengajian bahasa Arab bermula dengan kedatangan agama Islam di rantau tanah melayu iaitu pada abad ke-12 lagi (Maimun Aqsha Lubis et al. 2014). Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini juga tidak berbeza dengan bahasa-bahasa lain, kerana ia bergantung kepada beberapa faktor seperti pemilihan bahan pengajaran yang sesuai (Tay 2005). Pemilihan buku teks atau bahan bacaan yang tidak sesuai dengan tahap kefahaman pelajar berkemungkinan besar akan menyebabkan pelajar gagal menguasai maklumat yang ingin disampaikan.

Kebanyakan pendidik sering menghadapi masalah dalam pemilihan dan menyediakan bahan bacaan untuk pelajar kerana kurangnya pendedahan yang baik (Rini Dwi Susanti 2014). Bahan bacaan digunakan oleh pelajar dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada masa kini walaupun ianya agak tergugat dan menghadapi saingan daripada alat bantu pengajaran lain seperti komputer, televisyen dan internet. Buku teks merupakan bahan pembelajaran asas untuk pelajar dan dianggap sebagai bahan pengajaran yang penting (Muhammad Izuan & Radziah 2015). Buku teks digunakan secara meluas dalam pembelajaran di kelas walaupun terdapat pelbagai alat bahan bantu mengajar yang canggih dalam era teknologi maklumat pada masa ini. Kenyataan ini juga disokong oleh petikan berikut;

“The teacher is clearly a critical element in the teaching-learning process; but many educationists content that textbooks are the single most important contribution to improve learning in the schools.”

(Gopinathan, 1983 dalam Mohd Khairil & Abdul Halim 2014)

Bahan pengajaran memainkan peranan yang amat penting dalam mempelajari kurikulum pembelajaran (Zamri et al. 2013). Buku teks merupakan antara bahan pembelajaran terpenting dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P). Justeru, ia memerlukan tahap kebolehan membaca yang sesuai untuk pelajar dan menarik motivasi mereka untuk terus menggunakannya (Aisyah 2014) serta untuk meningkatkan kemahiran membaca dalam mempelajari satu bahasa baharu. Ini perlu bagi memastikan proses pembelajaran bahasa asing tersebut tidak terhenti dalam kelas atau bilik kuliah sahaja, tetapi berterusan hingga di luar kelas atau kampus. Oleh itu, tahap kebolehbacaan buku teks yang digunakan harus sesuai dengan kebolehan membaca dan kemahiran pelajar serta memerlukan persembahan kandungan yang baik agar dapat menarik minat dan motivasi pelajar (Zamri Arifin 2012).

Walaupun bagaimanapun, prestasi pelajar dalam penguasaan bahasa khususnya bahasa Arab didapati semakin merosot. Dalam beberapa kajian yang telah dijalankan antaranya oleh Abdul Aziz Musa (1998), Che Kamarudin Kamel Che Muhammad (1999) dan Abdul Ghani Md Hassan (1999), antara dapatan mereka ialah pelajar yang lemah dalam penguasaan bahasa Arab didapati sangat lemah dalam pengetahuan asas bahasa.

Dalam bidang pendidikan bahasa Arab, kajian tentang kebolehbacaan tidak begitu diberi perhatian berbanding bidang-bidang lain yang berkembang pesat. Beberapa kajian yang dijalankan dalam bidang ini menemukan pengkaji dengan isu-isu ketidaksesuaian bahan bacaan dengan golongan sasaran sama ada murid sekolah atau mahasiswa di pelbagai peringkat, sama ada dalam mahupun luar negara (Muhammad Haron Husaini et al., 2016; Aisyah 2014; Zamri Arifin et al., 2013 ; Kamarulzaman 2011; Zulazhan et al., 2011; al-Huwaity 2010).

Salah satu aspek penting yang melibatkan buku teks atau bahan bacaan rujukan utama yang perlu diambil berat adalah tahap kebolehbacaannya (Kamarulzaman 2011, Zulazhan 2011, Aisyah 2014, Mohd Rafeie Kusnin & Harun Baharudin 2015, Muhammad Haron Husaini et al. 2016). Konsep kebolehbacaan mengandungi formula-formula yang dapat mengkaji dan menilai tahap susah atau senang bahan bacaan secara objektif (Zamri Arifin et.al 2013).

Latar Belakang Kajian

Menurut sumber dan sorotan kajian-kajian terawal telah mendapati kajian bangsa Arab yang pertama telah direkodkan adalah kajian Toeimah pada tahun 1978 (Toeimah 1984). Menurut Dubay (2004) kajian di negara barat bermula selama lebih kurang 80 tahun yang lalu. Dalam jangka masa tersebut banyak penyelidikan dan ujian telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji barat. Kajian-kajian tersebut membantu dalam penambahbaikan teks melalui perkataan dan ayat yang merupakan penyebab utama kesukaran dalam memahami sesebuah teks.

Tujuan utama kajian kebolehbacaan sesuatu buku teks adalah untuk menilai tahap kesukaran buku teks tersebut untuk dibaca dan difahami oleh pembaca khususnya serta untuk mengenal pasti aras kesesuaian buku teks tersebut dengan pembaca yang disasarkan berdasarkan dengan kaedah dan prosedur yang telah ditetapkan. Justeru kajian ini bertujuan untuk membina kriteria kebolehbacaan buku teks kemahiran bahasa Arab peringkat tinggi dan menilai kebolehbacaan buku teks *Maharat al-Qira'ah* yang digunakan diperingkat

universiti oleh pelajar tahun satu dan merupakan mata pelajaran wajib fakulti.

Konsep kebolehbacaan secara langsung berkait rapat dengan proses membaca. Kajian berkaitan bahan bacaan biasanya dikaitkan dengan sejauh mana sesuatu bahan bacaan itu menyumbang kepada keupayaan pembaca untuk memahami semua maklumat dan isi kandungan bahan tersebut. Ini menjelaskan bahawa tahap sukarnya sesuatu teks itu boleh ditentukan berdasarkan tahap kefahaman seseorang pembaca. Menurut Kamarulzaman (2011) kebolehfahaman bacaan itu adalah diasaskan kepada hubungan yang kuat antara tahap pemahaman dan tahap kesukaran sesebuah teks bacaan. Kebolehbacaan biasanya dikaitkan dengan satu bidang kajian dalam menentukan senang sukar sesuatu teks bacaan (Kamarulzaman et al. 2012).

Sehubungan dengan itu, kajian yang melibatkan tahap senang dan susah sesebuah teks dikenali sebagai kebolehbacaan. Menurut Abdul Razif et al. (2016) konsep kebolehbacaan lebih merujuk kepada aspek proses membaca iaitu pemahaman, kefasihan dan minat seseorang pembaca terhadap bahan bacaan yang dibaca. Tay (2005) pula mencatatkan kebolehbacaan (*readability*) ialah merupakan satu konsep yang berbeza dengan kebolehan membaca (*reading ability*) seseorang. Marohaini Yusoff (1999) menjelaskan bahawa tahap kebolehbacaan yang tinggi adalah apabila teks tersebut sukar dibaca dan difahami dengan baik oleh pembaca. Manakala sebaliknya, teks yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang rendah apabila bahan yang dibaca adalah senang dan mudah untuk difahami.

Kajian kebolehbacaan teks Arab masih kurang dijalankan oleh penyelidik. Berdasarkan tinjauan lepas terdapat beberapa kajian yang telah dilaksanakan, antaranya sarjana Toiemah (1984) dalam menguji kesesuaian penggunaan prosedur ujian Kloz bagi menentukan tahap kebolehbacaan buku teks bahasa Arab sebagai bahasa asing yang digunakan di

beberapa universiti di negara barat. Di Malaysia kaedah ini masih baharu dan asing dalam kalangan pendidik. Pengkaji Kamarulzaman (2010) telah menjalankan kajian dalam mengukur kebolehbacaan buku teks bahasa Arab Tinggi sebagai bahasa asing yang pertama di Malaysia dalam konteks kajian bahasa Arab.

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih memerlukan pendekatan yang berkualiti dalam penyediaan bahan bacaan atau bahan rujukan. Ini membuktikan bahawa buku teks adalah salah satu sumber utama pensyarah dan pelajar. Justeru, salah satu faktor penting yang berperanan dalam menentukan tahap penguasaan dan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya pelajar institut pengajian tinggi selain faktor-faktor seperti ahli pendidik, persekitaran dan pelajar sendiri (Kamarulaman 2011).

Dalam kajian ini, kebolehbacaan yang dimaksudkan adalah satu usaha dalam menentukan tahap kesukaran bahan bacaan yang ditulis dalam bahasa asing iaitu bahasa Arab untuk mahasiswa yang mengambil jurusan bahasa Arab dan kesesuaiannya dengan pembaca sasaran di Fakulti Pengajian Islam (FPI), UKM. Salah satu buku teks yang digunakan dalam proses pembelajaran mempelajari bahasa Arab di fakulti ini adalah buku *Maharat al-Qira'ah* yang merupakan subjek kajian ini. Buku ini ditulis, dicetak dan diterbitkan sendiri oleh Jabatan Unit Bahasa Arab, FPI.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab rata-ratanya tidak memfokuskan kepada buku teks atau bahan bacaan yang digunakan, sebaliknya hanya tertumpu kepada usaha guru yang menggerakkan pembelajaran dalam kelas (Muhammad Haron et al. 2016) dengan menggunakan teknik terjemahan secara berleluasa untuk mengajar subjek bahasa Arab. Pembelajaran seperti ini dikenal sebagai sistem pengajian pondok (Rosni Samah et al. 2013) yang sangat popular dan masih diamalkan oleh sebahagian pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Kajian yang dijalankan oleh Zamri Ariffin et al. (2013) bersama pengkaji-pengkaji lain menguji penggunaan ujian Klox dalam buku teks *Balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*. Analisis kajian mendapati penggunaan buku teks *Miftahul al-Balaghah* berada pada tahap kecewa. Kajian ini juga selari dengan kajian buku teks di peringkat institut pengajian tinggi oleh Muhammad Haron et al. (2014). Kajian tersebut dijalankan terhadap buku teks *al-Mursyid fil al-lughah al-Arabiyah* (1) yang digunakan oleh pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Selangor. Dapatan mendapati buku tersebut berada pada tahap kebolehbacaan yang tinggi iaitu sukar difahami dan dibaca oleh pelajar.

Manakala menurut Zulazhan (2011) sudah sampai masanya bagi guru, ibu bapa dan penulis buku mengambil berat dan menitikberatkan masalah dalam menyesuaikan bahan bacaan dengan kebolehan membaca pelajar. Mereka hendaklah menggunakan satu alat yang lebih objektif untuk menilai bahan-bahan bacaan tersebut dan memastikan tahap kebolehbacaannya sebagai panduan semasa memilih bahan bacaan. Mohd. Khairil Hanif Ramli & Ab. Halim Mohamad (2015) menjelaskan buku teks merupakan faktor penting yang terlibat secara langsung dalam pembelajaran pelajar. Peranan buku teks adalah untuk menentukan pencapaian pelajar dalam satu subjek mata pelajaran yang diajar dan ia perlu dilakukan tanpa melibatkan faktor-faktor lain.

UKM antara universiti terawal yang menawarkan program bahasa Arab melalui Fakulti Pengajian Islam. FPI telah menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan kursus kemahiran bahasa Arab ditawarkan sebagai salah satu kursus yang perlu diikuti oleh pelajar dan ia merupakan kursus teras fakulti. Kursus ini dibahagikan kepada empat tahap iaitu PY 1112; *Maharat al-Qira'ah*, PY 1122; *Maharat al-Muhadathah wa al-Khitabah*, PY 1132; *Maharat al-Kitabah* dan PY 1142; *Maharat al-Istima' wa al-*

Fahm. Justeru, bagi subjek mata pelajaran *Maharat al-Qira'ah*, tahap pencapaian pelajar dalam subjek ini masih ditahap yang sederhana. Hal ini berdasarkan tahap pencapaian pelajar yang mendapat gred A adalah sebanyak 42 orang sahaja daripada jumlah keseluruhan pelajar sebanyak 268 pelajar.

Oleh itu penilaian kebolehbacaan bahan bacaan buku teks *Maharat al-Qira'ah* adalah perlu bagi menentukan aras kesesuaian dan kesukarannya kepada pembaca sasaran serta mengenal pasti ciri-ciri kekuatan dan kelemahan padanya. Hal ini kerana ia merupakan subjek yang wajib diikuti oleh mana-mana pelajar FPI yang mengambil subjek bahasa Arab dalam sistem pembelajaran di fakulti. Berdasarkan permasalahan ini, kajian ini bertujuan mengukur tahap kebolehbacaan buku teks *Maharat al-Qira'ah* dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam melalui ujian Klox dan melihat perbezaan skor ujian Klox berdasarkan teks-teks bacaan yang diuji dan pencapaian ujian bahasa Arab pelajar dalam peperiksaan akhir semester.

Metodologi

Untuk mencapai tujuan kajian ini, reka bentuk kajian yang dikenal pasti yang dapat mengukur tahap kebolehbacaan buku teks *Maharat al-Qira'ah* adalah kuantitatif deskriptif melalui ujian kebolehbacaan teks-teks bacaan dalam buku teks *Maharat al-Qira'ah*. Alat kajian yang digunakan adalah satu set ujian Klox yang digunakan ke atas pelajar. Ujian Klox merupakan alternatif terbaik sebagai petunjuk kepada kesesuaian bahan bacaan dengan tahap kebolehan membaca seseorang individu (Kamarulzaman, 2011) memandangkan belum ada kaedah lain yang sesuai bagi mengukur tahap kebolehbacaan bahan bacaan bahasa Arab bagi penutur bukan Arab.

Ujian Klox ini menggunakan teks-teks yang dipilih dalam buku teks *Maharat al-Qira'ah* sahaja dan tidak termasuk buku-buku teks yang lain. Prosedur yang

digunakan bagi membina dan menjalankan ujian ini adalah berdasarkan panduan dan saranan yang telah dikemukakan oleh beberapa sarjana asing seperti Rye (1982) dan Kamarulzaman (2010) dengan beberapa perubahan yang sesuai dengan keperluan dan fokus kajian ini. Prosedur yang dilakukan adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tiga teks bacaan dari 20 topik dalam pembelajaran *Maharat al-Qira'ah*. Ujian ini dibahagi kepada tiga teks utama iaitu Teks A yang mengandungi teks dari tajuk pertama dan mempunyai 54 tempat kosong. Seterusnya teks kedua iaitu teks B dipilih daripada topik ketujuh dalam buku teks tersebut. Teks ini mempunyai 44 tempat kosong. Akhir sekali adalah teks C merupakan topik terakhir dalam buku teks iaitu tajuk 20. Teks ini mempunyai 41 tempat kosong. Teks bacaan yang dipilih paling kurang mengandungi 250 patah perkataan (Rye, 1982; Toiemah, 1984).
- ii. Kesemua teks ini diletakkan baris sama seperti dalam buku teks asal. Pelajar dikehendaki mengisi tempat-tempat kosong dalam teks-teks tersebut dengan tepat. Pilihan tiga perkataan sebagai jawapan diberikan kepada pelajar iaitu dengan cara memilih perkataan yang sesuai sama ada perkataan pertama, kedua atau ketiga. Pelajar dikehendaki membulatkan atau menggariskan sahaja jawapan yang benar.
- iii. Bagi teks bahasa asing pemotongan perkataan dalam teks yang diuji dibuat di setiap perkataan ketujuh tanpa mengira bentuk ayat dan jenis perkataan (Toiemah, 1984). Pemotongan di setiap perkataan ketujuh lebih baik kerana kebolehan bahasa pelajar lemah atau teks yang diuji agak sukar.
- iv. Berdasarkan kajian rintisan pelaksanaan ujian Klox, teknik

menjawab yang digunakan adalah berbentuk jawapan aneka pilihan kerana ia sesuai serta boleh menggambarkan keadaan sebenar tahap kebolehbacaan teks dari pembaca sasaran yang dikaji. Tiga jawapan disediakan bagi setiap tempat kosong yang mana hanya satu sahaja jawapan yang betul.

- v. Taklimat ringkas yang sesuai dengan tahap pelajar berkaitan ujian disertakan dalam set ujian selain taklimat lisan bagi memastikan responden benar-benar faham tentang tujuan dan cara menjawab ujian bertulis ini.
- vi. Sistem pemarkahan kajian ini memilih untuk menggunakan sistem pemarkahan yang hanya menerima jawapan yang betul berdasarkan kata asal sebagaimana yang terdapat dalam buku teks *Maharat al-Qira'ah* sebagai jawapan yang betul. Kemudian jawapan yang betul akan ditukarkan kepada peratus dengan membahagikannya dengan jumlah perkataan yang dipotong.

Setelah membina alat kajian tersebut untuk kajian sebenar, pengkaji telah merujuk kepada beberapa pakar bagi mengadakan tahap kesahan kandungan alat ujian Klox yang dibina. Bagi mengukur kebolehppercayaan sesuatu ujian Klox, formula Kuder-Richardson jenis KR21 dipilih pengkaji. Hal ini kerana ia sesuai bagi data jenis dikotomi iaitu jawapan ujian yang di bina berasaskan betul atau salah (Toiemah 1984). Nilai pekali kebolehppercayaan yang diperolehi adalah 0.81.

Berikut ialah contoh ujian klox yang telah dibina bersarakan teks A yang mengandungi teks daripada tajuk pertama:

نَشِئَةُ الطِّفْلِ الْمُسْلِمِ

قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : (مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يَنْصَرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ) رَوَاهُ مُسْلِمٌ . فَالطِّفْلُ أَمَانَةٌ لَللَّهِ عِنْدَ وَالِدَيْهِ ، فَإِنْ --- (عَوَادُهُمَا ، عَوَادُهُ ، عَوَادُهَا) (١) الْخَيْرُ نَشَأَ عَلَيْهِ وَسَعِدَ فِي --- (الدُّنْيَا ، الْجَنَّةِ ، الْمَكَانِ) (٢) وَالْآخِرَةِ ، وَإِنْ أَهْمَلَاهُ وَ --- (تَرَكَاهُمَا ، تَرَكَاهَا ، تَرَكَاهُ) (٣) لِقَرِيْبَاءِ السُّوءِ شَقِيٌّ وَهَلِكٌ . وَ --- (الْأُمُّ ، الْوَالِدُ ، الْأَخُّ) (٤) يَقْتَدِي عَادَةً بِوَالِدَيْهِ فِي سُلُوكِهِ وَ --- (تَصْرَفَاتِهِ ، تَصْرَفَاتِهَا ، تَصْرَفَاتِهِمْ) (٥) ، فَإِنْ كَانَ سُلُوكُهُمَا عَلَى النَّحْوِ الْإِسْلَامِيِّ --- (تَذَهَبَ ، تَفْعَلُ ، تَأْتِرُ) (٦) بِهِمَا فِي مَسِيرِ حَيَاتِهِ .

إِنَّ أَطْفَالَ --- (الْيَوْمِ ، الشَّهْرِ ، الْأَمْسِ) (٧) رَجَالَ الْمُسْتَقْبَلِ ، يُحَقِّقُونَ لِلأُمَّةِ اسْتِمْرَارَهَا وَ --- (تَطَوُّرَهَا ، تَطَوُّرَهُ ، تَطَوُّرَهُمْ) (٨) . وَالْإِسْلَامُ يَنْظُرُ إِلَى الْأَبْنَاءِ عَلَى --- (أَنْ ، أَنَّهُمْ ، إِلَيْهِمْ) (٩) زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَبِنَاءِ التَّارِيخِ --- (الْبِلَادِ ، الْأَدَابِ ، الْإِسْلَامِيِّ) (١٠) وَصِنَاعِ الْحَضَارَةِ . وَقَدْ ضَرَبَ --- (رَسُولٌ ، إِنْسَانٌ ، إِبْلِيسٌ) (١١) اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ --- (الْمَثَلَ ، مِثَالًا ، الثَّلَاثَةَ) (١٢) الْأَعْلَى فِي التَّرْبِيَةِ ، إِذْ اسْتَطَاعَ فِي --- (فَتْرَةٍ ، وَقِيْتِ ، زَمَانِ) (١٣) وَجِيْرَةَ أَنْ يُرَبِّيَ جِيْلًا مِنَ الصَّحَابَةِ --- (سَلِمَتْ ، سَعِدَتْ ، ذَهَبَتْ) (١٤) عَقَائِدُهُمْ مِنَ الشُّرْكِ ، وَاسْتَقَامُوا عَلَى --- (اسْمِ ، حَرْفٍ ،

فَعْلٍ) (١٥) الْخَيْرِ ، وَضَرَبُوا مِثْلًا أَعْلَى فِي --- (الدِّينِ ، الْأَخْوَةِ ، الْمُعَامَلَةِ) (١٦) الْإِسْلَامِيَّةِ وَالنَّجَاحِ الْعَمَلِيِّ فِي الْحَيَاةِ .

Dapatan Kajian

Lokasi kajian yang dijalankan ialah di salah satu universiti awam di Malaysia iaitu UKM yang terletak di Bandar Baru Bangi, Selangor. Memandangkan buku teks kemahiran *Maharat al-Qira'ah* digunakan di FPI, UKM, maka kajian ini akan dijalankan di fakulti tersebut. Sebelum dijalankan di fakulti tersebut. Sebelum pemilihan sampel dipilih, adalah penting untuk mengenal pasti populasi yang ingin dikaji yang membolehkan pengkaji membuat generalisasi melalui dapatannya.

Melalui kaedah persampelan Krejcie dan Morgan (1970), sampel pelajar yang terlibat adalah sebanyak 162 orang daripada populasi pelajar tahun satu FPI, UKM, Bangi sebanyak 284 pelajar. Kesemua responden terdiri daripada pelajar yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Bagi menentukan tahap kebolehbacaan, kesemua kertas jawapan dari pelajar dikumpulkan secara teliti dan saksama untuk mendapatkan purata skor keseluruhan. Berdasarkan bentuk ujian Kloz yang menggunakan teknik jawapan aneka pilihan, pemarkahan nilai skor di kira berdasarkan kepada tiga kategori iaitu 0%-74% sebagai tahap kecewa, 75%-89% sebagai tahap pengajaran dan 90%-100% sebagai tahap bebas (Rye, 1982).

Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan bagi latar belakang responden berdasarkan jantina. Dari aspek jantina jumlah responden lelaki keseluruhannya adalah seramai 40 orang, iaitu mewakili 25.9%, manakala responden pelajar perempuan pula adalah seramai 120 orang, iaitu 74.1%. Dalam aspek pencapaian responden pada subjek *Maharat al-Qira'ah* pada peperiksaan akhir tahun, Jadual 2 menunjukkan jumlah responden

yang memperoleh tahap cemerlang (gred A) pelajar tidak ramai yang cemerlang daripada keseluruhan, iaitu seramai 26 orang mewakili 16%. Kelompok yang memperoleh tahap sederhana (gred B) hampir keseluruhan pelajar mencapai tahap ini adalah 95 orang, iaitu 59% yang merupakan jumlah terbanyak, manakala bagi tahap lemah (gred C-E) seramai 41 orang, iaitu 25%.

Jadual 1: Profil Responden Pelajar

Latar Belakang	Bilangan	Peratus
Lelaki	40	25.9
JANTINA Perempuan	120	74.1
Jumlah	162	100

Jadual 2: Profil Responden Berdasarkan Pencapaian Peperiksaan Akhir Tahun Subjek *Maharat al-Qira'ah*

Latar Belakang	Gred Pencapaian	Bilangan	Peratus
Cemerlang	A	26	16
Sederhana	B	95	59
Lemah	C	41	25
Gagal	D/E	0	0
JUMLAH		162	100

Jadual 3 berikut adalah taburan purata skor ujian berdasarkan jantina dan teks-teks ujian. Jadual menunjukkan purata skor ujian yang diperoleh pada setiap teks yang diuji bagi kedua-dua jantina tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Skor yang diperoleh adalah antara 63% hingga 68%. Purata skor bagi setiap teks yang diuji daripada responden lelaki dan perempuan juga adalah agak seimbang. Teks A memperoleh skor keseluruhan 67%, teks B memperoleh 63% dan teks C memperoleh 66%. Selain itu purata skor ujian dari semua teks yang diuji berdasarkan jantina responden juga menunjukkan skor yang

hampir seimbang. Skor keseluruhan pelajar lelaki memperoleh 66% dan perempuan 64%.

Jadual 3: Taburan Purata Skor Ujian Berdasarkan Jantina dan Teks-teks Ujian

Jantina	Teks A	Teks B	Teks C	Purata Skor (Jantina)
Lelaki	68	63	67	66
Perempuan	65	64	64	64
Purata Skor (Teks)	67	63	66	65

Walaupun skor yang diperoleh agak seimbang, Jadual 3 menunjukkan secara am responden pelajar lelaki lebih baik sedikit daripada responden pelajar perempuan khususnya skor dalam teks A, teks C dan skor keseluruhan. Selain itu jadual juga menunjukkan teks B memperoleh skor purata terendah bagi kedua-dua jantina. Manakala purata skor ujian keseluruhan yang melibatkan kedua-dua jantina dan semua teks yang diuji pula adalah 65%. Secara keseluruhan dapat dirumuskan faktor jantina responden tidak menunjukkan perbezaan yang jelas atau ketara terhadap skor tahap kebolehbacaan teks-teks buku *Maharat al-Qira'ah* yang diuji malah skor yang diperoleh adalah hampir seimbang antara kedua-dua jantina.

Jadual 4 menunjukkan purata pencapaian skor ujian antara jantina responden pelajar FPI berdasarkan pencapaian peperiksaan akhir tahun dalam subjek *Maharat al-Qira'ah*. Purata skor yang diperoleh oleh kedua-dua jantina bagi semua tahap pencapaian peperiksaan akhir tahun dalam subjek *Maharat al-Qira'ah* berada pada tahap yang hampir sama. Skor responden lelaki berdasarkan pencapaian subjek *Maharat al-Qira'ah* adalah antara 10% hingga 53%. Manakala responden perempuan pula memperoleh skor antara 18% hingga 61%.

Jadual juga menunjukkan responden pelajar perempuan memperoleh skor ujian lebih baik sedikit berbanding

responden pelajar lelaki pada semua tahap pencapaian peperiksaan akhir tahun dalam subjek *Maharat al-Qira'ah*. Berbeza sedikit daripada hasil nilai skor purata keseluruhan ujian bagi semua tahap pencapaian peperiksaan akhir tahun dalam subjek *Maharat al-Qira'ah* dengan 34% responden pelajar lelaki mendahului berbanding responden pelajar perempuan sebanyak 33%. Tidak terdapat perbezaan jurang yang besar, hanya responden pelajar lelaki lebih baik sedikit.

Jadual 4: Taburan Purata Skor Berdasarkan Jantina dan Pencapaian Peperiksaan Akhir Tahun Subjek *Maharat Al-Qira'ah*

Jantina	A	B	C-E	Purata Skor (Jantina)
Lelaki	10	53	38	34
Perempuan	18	61	21	33
Purat Skor (Peperiksaan Akhir Tahun Subjek <i>Maharat al-Qira'ah</i>)	14	57	30	34

Manakala purata skor mengikut pencapaian peperiksaan akhir tahun dalam subjek *Maharat al-Qira'ah* bagi kedua-dua jantina pula adalah antara 14% hingga 57%. Jadual tersebut menunjukkan pelajar sederhana memperoleh purata skor ujian tertinggi kemudian diikuti pelajar lemah

dan seterusnya pelajar cemerlang. Hal ini juga menjelaskan bahawa tidak semua pelajar cemerlang dapat memperolehi skor yang tinggi dalam ujian.

Oleh itu, secara am dapat dilihat purata skor yang diperoleh antara jantina dan antara pencapaian peperiksaan akhir tahun dalam subjek *Maharat al-Qira'ah* serta skor keseluruhan bagi kedua aspek tersebut tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Ini bermakna tahap pencapaian peperiksaan akhir tahun dalam subjek *Maharat al-Qira'ah* bagi kedua-dua jantina tidak menunjukkan pengaruh yang jelas atau kuat terhadap skor ujian kebolehbacaan teks-teks bacaan buku teks *Maharat al-Qira'ah*. Skor yang diperoleh adalah agak seimbang diantara pelajar lelaki mahupun pelajar perempuan.

Jadual 5 menunjukkan taburan kekerapan (f) dan peratusan (%) skor tahap kebolehbacaan berdasarkan teks-teks ujian dan skor keseluruhan. Berdasarkan teks-teks yang diuji didapati semua teks memperoleh skor kebolehbacaan pada tahap kecewa yang melibatkan lebih 70% responden. Jadual menunjukkan taburan peratusan responden yang memperoleh skor pada tahap kecewa mengikut teks adalah teks A sebanyak 69.8% (113 responden), teks B sebanyak 76.5% (124 responden), dan teks C sebanyak 68.5% (111 responden).

Jadual 5: Taburan Kekerapan dan Peratusan Skor Tahap Kebolehbacaan Berdasarkan Teks-Teks Ujian dan Skor Keseluruhan

Tahap Kebolehbacaan	Teks A		Teks B		Teks C		Skor Keseluruhan	
	f	%	f	%	f	%	f	%
Bebas	1	0.6	8	4.9	18	11.1	6	3.7
Pengajaran	48	29.6	30	18.5	33	20.4	36	22.2
Kecewa	113	69.8	124	76.5	111	68.5	120	74.1

Ini jelas menunjukkan tahap kebolehbacaan semua teks berada pada tahap kecewa bagi majoriti responden. Keadaan ini dapat dilihat dengan lebih jelas pada taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan skor kebolehbacaan keseluruhan bagi semua teks-teks yang diuji. Tahap kebolehbacaan kecewa melibatkan 74% atau sebanyak 120 responden berbanding tahap kebolehbacaan pengajaran dan tahap kebolehbacaan bebas yang hanya mewakili 25.9 % atau seramai 42 responden sahaja.

Berdasarkan analisis ini dapat dirumuskan bahawa majoriti pelajar FPI memperoleh skor ujian Kloz pada tahap kecewa, seterusnya menunjukkan buku teks *Maharat al-Qira'ah* mencapai tahap kesukaran untuk dibaca pada aras kecewa bagi sebahagian besar responden kajian.

Perbincangan

Hasil ujian Kloz yang jalankan ke atas sampel pelajar Ijazah Sarjana Muda di salah satu universiti awam di Malaysia dalam kajian ini mendapati purata skor dalam mengukur tahap kebolehbacaan buku teks *Maharat al-Qira'ah* adalah 65% iaitu berada pada tahap kecewa yang melibatkan 74% daripada keseluruhan responden. Ini menjelaskan bahawa majoriti responden berdasarkan populasi kajian iaitu pelajar tersebut mempunyai tahap pembacaan ditahap kecewa terhadap teks-teks bacaan dalam buku teks *Maharat al-Qira'ah*. Ini menunjukkan teks-teks bacaan yang terdapat dalam buku teks tersebut tidak sesuai untuk kegunaan pelajar sasaran.

Justeru salah satu ciri pembacaan atau kebolehbacaan kecewa ini ialah berdasarkan kefahaman pembaca atau pelajar yang lemah, kadar kelancaran yang perlahan dan tersekat-sekat. Oleh itu banyak perkataan yang perlu dianalisis untuk memperbaiki kefahaman bacaan. Bentuk pembacaan bagi tahap ini menerangkan bahawa teks-teks tersebut tidak sesuai untuk dijadikan sebagai tugas (Gillet & Temple 1994). Oleh itu hal ini menjelaskan penggunaannya sesuai untuk tujuan diagnostik dan pemilihan sendiri untuk

pembacaan yang memerlukan kepada tahap minat dan motivasi yang tinggi.

Apabila dilihat dari nilai taburan skor ujian mengikut jantina, latar belakang buku *Maharat al-Qira'ah* dalam peperiksaan akhir tahun subjek *Maharat al-Qira'ah* dan teks-teks ujian, didapati purata skor yang diperoleh tidak ada perbezaan yang ketara antara setiap pemboleh ubah tersebut. Skor-skor yang diperoleh adalah antara 63% dan 67%, iaitu semuanya berada pada tahap kecewa.

Berdasarkan maklumat kajian 16% responden sahaja yang memperoleh gred A bagi subjek *Maharat al-Qira'ah* dalam peperiksaan akhir tahun dan semasa kajian dijalankan majoriti responden telah mempelajari teks A yang diuji. Manakala hampir keseluruhan 59% responden mendapat gred B. Namun skor ujian yang diperoleh tidak menunjukkan kesan yang jelas pengaruh latar belakang pencapaian kefahaman bahasa Arab dalam peperiksaan akhir tahun subjek *Maharat al-Qira'ah* berkaitan unsur kefahaman bacaan teks bahasa Arab.

Beberapa kajian yang dijalankan dalam bidang ini menemukan pengkaji dengan isu-isu ketidaksesuaian bahan bacaan dengan golongan sasaran sama ada murid sekolah atau mahasiswa di pelbagai peringkat, sama ada dalam mahupun luar negara (lihat Muhammad Haron Husaini et al., 2016; Muhammad Haron et al., 2014; Zulazhan et al., 2011; Zamri Ariffin et al., 2013; al-Huwaity, 2010; Kamarulzaman Abdul Ghani et al., 2012; Aisyah, 2014).

Dapatan kajian ini juga selari dengan Zulazhan Ab. Halim (2011) yang mendapati tahap kebolehbacaan buku teks Balaghah STAM berada pada tahap kecewa dan sukar serta tidak sepadan dengan tahap kebolehan membaca pelajar. Selain itu dapatan kajian ini juga selari dengan Kamarulzaman Abdul Ghani (2010) terhadap kebolehbacaan buku teks bahasa Arab tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah agama (SMKA) seluruh Malaysia. Hasil kajian mendapati ujian Kloz yang dijalankan menunjukkan purata skor keseluruhan sebanyak 49% iaitu tahap kecewa.

Selain itu juga kajian yang dijalankan oleh Zamri Ariffin (2013) bersama pengkaji-pengkaji lain menguji penggunaan ujian Kloz dalam buku teks Balaghah STAM. Analisis kajian mendapati penggunaan buku teks *Miftahul al-Balaghah* berada pada tahap kecewa. Kajian ini juga selari dengan kajian buku teks di peringkat institut pengajian tinggi oleh Muhammad Haron et al. (2014). Kajian tersebut dijalankan terhadap buku teks *al-Mursyid fil al-lughah al-Arabiyah* (1) yang digunakan oleh pelajar KUIS, Selangor. Dapatan mendapati buku tersebut berada pada tahap kebolehbacaan yang tinggi iaitu sukar difahami dan dibaca oleh pelajar.

Justeru penggunaan buku teks *Maharat al-Qira'ah* dalam kalangan pelajar FPI adalah kurang bersesuaian dan ia juga menunjukkan objektif utama dalam kajian ini terjawab, iaitu Adakah buku *Maharat al-Qira'ah* sesuai digunakan dalam kalangan pelajar FPI? Walaubagaimanapun, kajian ini dijalankan tidak bermaksud untuk mencadangkan kepada pihak Unit Bahasa Arab, FPI untuk ditukar kepada buku lain, tetapi mencadangkan penambahbaikan isi kandungan buku tersebut.

Implikasi berdasarkan kajian ini dapat dilihat dari aspek pihak yang bertanggungjawab dalam penyediaan dan penerbitan buku *Maharat al-Qira'ah* ini. Aisyah (2014) menyatakan pihak-pihak seperti penulis, editor buku, penerbit dan guru-guru dapat menggunakan hasil kajian ini dalam menyediakan dan menghasilkan buku-buku teks yang baik. Mereka dapat mengambil manfaat daripada kajian kebolehbacaan ini. Kajian berkaitan kebolehbacaan bahan bacaan bahasa Arab di Malaysia masih berada dalam tahap baru dan jarang dikaji oleh pengkaji. Untuk memperluas skop kajian kebolehbacaan dalam bahasa Arab perlulah adanya cadangan kajian lanjutan.

Kajian ini hanya mengkaji satu buku teks sahaja iaitu buku teks bacaan yang digunakan dalam institut pengajian tinggi. Dapatan yang diperolehi tidak dapat

dijadikan satu rujukan kepada buku-buku teks bahasa Arab yang lain. Justeru kajian-kajian lainnya perlu dijalankan sama ada dalam peringkat rendah atau tinggi. Sebagai rumusan dapat dinyatakan, perubahan dalam menghasilkan sesuatu bahan atau buku teks yang dijadikan sebagai satu sumber bahan pengajaran dapat membuat perubahan atau inovasi yang baik. Hal ini bertujuan untuk membawa kemajuan, pembaikan dan penambahbaikan dalam buku tersebut.

Kesimpulan

Kajian kebolehbacaan merupakan satu kajian ilmiah yang penting dan masih jarang dijalankan di Malaysia. Tujuan utama kajian kebolehbacaan dilakukan adalah untuk mengukur tahap kesukaran sesuatu buku teks. Dalam konteks kajian ini, buku teks yang dijadikan sebagai subjek kajian adalah buku teks kemahiran bahasa Arab *Maharat al-Qira'ah* yang digunakan oleh pelajar tahun pertama di FPI, UKM. Berdasarkan kajian ini didapati buku teks tersebut kurang bersesuaian dijadikan buku teks dalam pengajaran atau pembacaan bebas kerana dapatan ujian kloz menunjukkan skor kebolehbacaan berada pada tahap kecewa. Antara faktor yang dikaitkan dengan isu kelemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar berkaitan aras atau laras bahasa pelajar dalam penguasaan bahasa Arab kurang berkesan. Oleh itu, dalam menilai sesuatu buku teks, antara aspek yang diambil kira adalah tahap kebolehbacaan dan kepentingannya dalam penyediaan bahan bacaan bagi pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Pihak yang berwajib seharusnya memberi perhatian yang serius dalam penyediaan bahan bacaan asas dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi. Ia penting agar buku teks atau bahan bacaan yang disediakan dapat berperanan dalam membantu meningkatkan tahap pencapaian kemahiran bahasa pelajar.

RUJUKAN

- Abdul Razif Bin Zaini, Muhd Haron Husaini, Khairil Asyraf & Mohd. Zaki Bin Abd. Rahman. 2016. Inovasi dalam Pembinaan Ujian Kloz Bahasa Arab Berbantuan Komputer. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* (JSASS), Vol. 3 Bil 1.
- Abdul Razif Zaini, Mohd. Zaki Abd. Rahman, Muhammad Haron Husaini Adnan Mat Ali, Khairatul Akmar Ab Latif & Khairil Ashraf Elias. 2015. *Reka Bentuk Sistem Pengukuran Tahap Kebolehbacaan Teks Bahasa Arab Berbantuan Komputer*. E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Aisyah Sjahrony. 2014. *Hubungan Antara Tahap Kebolehbacaan Buku Teks Maharat al-Qiraah dengan Motivasi dan Pencapaian Pelajar FPI, UKM*. Tesis Sarjana. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Al-Huwaithy, Sahr Salim. 2010. *Mustawa Maqru'iyah Kitab al-Tarikh Li al-Saff al-Sadis al-Asasi Fi Muhafazah Ghazzah wa 'Alaqtuha Bi Ba'd al-Mutaghayyirat*. Tesis Master. Al-Jamiah al-Islamiyyah, Ghazzah.
- Chua Yan, P. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Gillet, J. W. & Temple, C. 1994. *Understanding reading problems: Assessment and Instruction* (4th ed.). New York: Harper Collins College Publishers.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Parilah M. Shah & Wan Haslina Wah, and Muhammad Sabri Sahrir, 2012. Penggunaan Bahasa Arab lisan dan hubungannya dengan strategi pengurusan sumber. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 12 (2 (special edition), pp
- Khadijah Rohani Md. Yunus. 1987. Formula Kebolehbacaan: Satu Cara Objektif Untuk Menentukan Tahap Kebolehbacaan Bahan-Bahan Bacaan. *Jurnal Dewan Bahasa*. April: hlm. 274-288.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. 2010. *Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Dr. Falsafah Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Hassan Basri Awang Mat Dahan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2009. Penggunaan ujian kloz dalam mengukur kebolehbacaan teks Arab untuk pembaca bukan Arab di Malaysia: Satu kajian rintis. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), pp15-30.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. 2011. Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Berasaskan Ujian Kloz dalam Kalangan Pelajar Di SMKA. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 11(2). hlm. 53-66.
- Klare, G. R. 1969. *The measurement of readability* (3rd ed.). Ames, Iowa: Iowa State University Press.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. *Determining sample size for research activities*. Educational and Psychological Measurement, 30, 608-619.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shahrudin. 2014. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(1), pp 51-61.
- Marohaini Yusoff. 1999. *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Khairil Hanif Ramli & Ab. Halim Mohamad. 2015. Tahap Kekerapan dan Kepadatan Kosa Kata Buku Teks Bahasa Arab Sekolah Rendah. JPBU. Vol. 7.
- Mohd Rafaie Kusnin & Harun Baharudin. 2015. *Kebolehbacaan Syarhu Ibnu Aqil Sebagai Buku teks STAM: Satu Tinjauan Literatur*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL 2015).
- Muhammad Izuan Abd Gani & Radziah Ismail. 2015. *Penerapan Aspek Penjiwaan Bahasa Dalam Pengajaran & Pembelajaran (P&P): Kajian Terhadap Guru Bahasa Arab Di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*. The International Conference on Language Literature Culture and Education. ICLLCE 2015-70.
- Muhammad Haron Husaini, Abdul Razif Zaini, Ab. Halim Mohamad & Khairil Ashraf Elias. 2016. Penilaian Kebolehbacaan Teks Arab Menerusi Ujian Kloz Berasaskan Aplikasi Komputer. *Jurnal AL-ANWAR*. Volume 1(1), Jun 2016: 38- 55.
- Muhammad Haron, Muhd Syukri, Ahmad Redzudin & Norhidayati Abdullah. 2014. Tahap Kebolehbacaan Buku al-Mursyid Fi al-Lughah al-Arabiah (1). *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education*. Volume 1 (1): 11 – 16.

- Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam Sesi Akademik 2011/ 2012. Penerbit UKM: Bangi.
- Rini Dwi Susanti. 2014. Strategi Pengajaran Membaca Pada Mata Pelajaran Bahasa Arab Di Madrasah Ibtidaiyah. *Elementary Journal*. Vol. 2. No. 2, Juli-Desember 2014.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul HafesSha'ari & Amizan Helmi Mohamad. 2013. Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Vol 13, No 2.
- Rye, J. 1982. *Cloze procedure and the teaching of reading*. London: Heinemann Educational Books.
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat. 2013. Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Vol 13, No 2.
- Tay, Meng Guat. 2005. Kebolehbacaan Bahan Bacaan. *Jurnal Pendidikan MPBL*. 6: pp23-24.
- Tengku Nurul Syuhada Raja Sulaiman & Zamri Arifin. 2014. *Tahap Kebolehbacaan Buku Teks Al-Mutalaah Al Azhariyah: Kajian Rintis*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam & Fakulti Kontemporari Islam, UNISZA.
- Toiemah, R. A. 1978. *The use of cloze to measure the proficiency of students of Arabic as a second language in some universities in the United States*. Unpublished Ph.D. thesis. University of Minnesota: Dissertation Abstract International.
- Zamri Arifin, Zulazhan Ab. Halim, Nurul Masyitah Mohd Sham & Azimah Shurfa Mohammed Shukry. 2013. The Readability of the Prose Text. *Middle-East Journal of Scientific Research* 17 (3): pp338-343.
- Zulazhan Bin Ab. Halim. 2011. *Kebolehbacaan Buku Teks Balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia Di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam Malaysia. UKM.